

Penggunaan Media Pengajaran dalam Pengajaran Komsas oleh Guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan

Chew Fong Peng dan Thomas Wong Siew Khing

Universiti Malaya
fpchew@um.edu.my, thomaskhing20@gmail.com

ABSTRAK

Komponen Kesusasteraan (KOMSAS) dalam Bahasa Melayu sebagai satu bidang ilmu yang dianggap membosankan dalam kalangan pelajar memerlukan cara pengajaran yang kreatif daripada guru. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan media pengajaran oleh guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan minat belajar para pelajar sekolah menengah kebangsaan. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual terhadap dua orang guru Bahasa Melayu dari Sarawak dan Pahang. Kedua-dua subjek kajian ini terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar melebihi 20 tahun, dan salah seorang guru ialah guru cemerlang. Hasil temu bual mendapati bahawa media pengajaran yang digunakan oleh kedua-dua orang subjek kajian terdiri daripada media bercetak dan media elektronik seperti media visual dan media audio animasi. Dalam pada itu, GBM1 dan GBM2 menyediakan media pengajaran yang berpadanan dengan keperluan pelajar-pelajar supaya mereka dapat menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan dengan lebih baik. Media pengajaran yang digunakan didapati sangat menarik dan sesuai untuk pelajar mempelajari KOMSAS untuk mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, dapatan kajian mendapati kedua-dua orang subjek kajian berhadapan dengan kekangan masa semasa penyediaan media pengajaran disebabkan banyak tugas yang lain. Walau bagaimanapun, GBM1 dan GBM2 mengambil langkah tertentu untuk mengatasi masalah tersebut supaya pembelajaran pelajar-pelajar tidak terjejas. Pengkaji berharap agar kelebihan-kelebihan yang didapati melalui kajian ini dapat dimanfaatkan oleh guru-guru Bahasa Melayu yang lain untuk pengajaran KOMSAS di sekolah pada masa yang akan datang.

Kata kunci: Bahasa Melayu, KOMSAS, media pengajaran, media bercetak, media elektronik

ABSTRACT

The Literature Component (KOMSAS) in the Malay Language as a field of knowledge that is considered boring among students requires creative teaching methods from teachers. Therefore, this study aims to identify the use of teaching media by the Malay Language teachers to increase the learning interest of national secondary school students. The researcher applied a qualitative approach by using the interview method on two Malay Language teachers from Sarawak and Pahang. Both subjects of the study consisted of the Malay Language teachers with more than 20 years of teaching experiences, and one of the teachers is an excellent teacher. The interview found that the teaching media used by both subjects of study consisted of printed media and electronic media, such as visual media and animated audio media. In the meantime, GBM1 and GBM2 provided teaching media that matched the needs of the students so that they could better acquire the knowledge conveyed by teachers. The teaching media used were found to be very interesting and suitable for students to learn KOMSAS to achieve learning objectives. In addition, the findings indicated that both subjects of study faced time constraints during the preparation of teaching media due to many other tasks. However, GBM1 and GBM2 took certain steps to overcome the problem so that students' learning was not affected. The researchers hope that the advantages found in this study can be utilized by other Malay Language teachers in their KOMSAS teaching in schools in the future.

Keywords: Malay Language, KOMSAS, teaching media, printed media, electronic media

PENGENALAN

Komponen Kesusasteraan Melayu atau dikenali sebagai KOMSAS, mula diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1999. Pada tahun yang seterusnya, iaitu 2000, KOMSAS telah dilaksanakan dalam pendidikan sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara. Sejak tahun 2000, KOMSAS mula dilaksanakan secara berperingkat di semua sekolah menengah kebangsaan Malaysia mengikut tingkatan yang ditetapkan. Pada tahun 2002, semua pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 berpeluang untuk mempelajari KOMSAS melalui mata pelajaran Bahasa Melayu. Pelaksanaan KOMSAS dalam pendidikan Bahasa Melayu bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar dan memperkukuh kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca serta menulis. Bukan itu sahaja, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga berharap agar pengajaran KOMSAS dapat membentuk sahsiah pelajar-pelajar dan meningkatkan kesedaran mereka tentang nilai-nilai kemanusiaan dan budaya bangsa.

Pernyataan Masalah

KOMSAS sebagai satu cabang ilmu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sering menjadi topik perbualan orang ramai kerana para pelajar tidak suka mempelajari KOMSAS. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengenal pasti beberapa masalah umum yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Antaranya ialah para pelajar tidak berminat dalam pembelajaran KOMSAS (Abdul Rasid Jamian, 2023; Zainal & Omar, 2020); kaedah pengajaran yang tidak interaktif (Mahmud & Johari, 2018); tekanan terhadap peperiksaan dan kurang penghayatan (Ibrahim & Rahim, 2017); kekangan masa dan sukatan pelajaran yang luas (Latif & Hassan, 2019); pemilihan teks yang tidak mesra remaja (Aziz & Saad, 2021) dan lain-lain. Walaupun terdapat inisiatif untuk memperkenalkan pembelajaran abad ke-21 dan teknologi dalam kelas, pelaksanaannya masih belum menyeluruh. Pembaharuan dalam pemilihan teks, latihan guru, dan penggunaan ICT adalah antara langkah yang disarankan oleh kajian terkini.

Walaupun Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menekankan pengajaran abad ke-21, ramai guru masih memilih kaedah tradisional seperti menyalin nota di papan hitam (chalk and talk), huraian teks secara sehalu oleh guru dan memberi latihan semata-mata untuk tujuan peperiksaan. Kaedah ini sering menyebabkan pelajar kurang terlibat secara aktif, sekali gus menjejaskan minat dan pemahaman mereka terhadap teks KOMSAS (Zainal & Omar, 2020). Chew dan Majelan (2019) juga mengatakan bahawa teks KOMSAS yang menggunakan bahasa yang tinggi arasnya menyebabkan pelajar-pelajar tidak memahami kandungan KOMSAS.

Menurut Mahmud dan Johari (2018), ramai guru tidak mengambil inisiatif untuk mengubah gaya pengajaran kerana tidak mahir menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam kelas, tiada sokongan sumber atau latihan profesional, dan persepsi bahawa pengajaran sastera tidak memerlukan inovasi. Pengajaran berpusatkan guru secara berlebihan menyebabkan pelajar menjadi pasif dan tidak memahami mesej sastera, kurangnya kemahiran berfikir kritis dalam menilai teks dan hanya menghafal unsur sastera untuk peperiksaan (Ibrahim & Rahim, 2017). Tanpa perubahan dari segi pendekatan pedagogi, latihan profesional, dan sokongan teknologi, pelajar akan terus melihat KOMSAS sebagai komponen yang membosankan dan sukar difahami.

Sehubungan dengan itu, pengajaran KOMSAS memerlukan pendekatan yang kreatif dan berkesan untuk memastikan pelajar dapat memahami dan menghayati kandungan sastera dengan baik. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian ialah penggunaan media dalam bilik darjah. Media bukan sahaja berperanan sebagai alat bantu pengajaran, malah mampu meningkatkan kualiti interaksi antara guru dan pelajar serta mendorong pembelajaran yang lebih bermakna. Media pengajaran dapat dikategorikan kepada enam jenis, iaitu visual, audio, teks, video animasi, model manipulatif atau objek dan manusia, iaitu guru, pelajar dan orang yang berkaitan.

Antara kepentingan utama penggunaan media adalah keupayaannya untuk meningkatkan minat dan penglibatan pelajar. Kajian oleh Norazah dan Nurhazirah (2017) menunjukkan bahawa bahan multimedia seperti video dan grafik beranimasi dapat menjadikan pengajaran lebih menarik, sekali gus meningkatkan motivasi pelajar untuk mendalami teks sastera. Ini amat penting kerana teks KOMSAS seringkali memerlukan pemahaman mendalam terhadap unsur-unsur seperti tema, watak, dan nilai murni.

Selain itu, media juga membantu pelajar memahami teks secara visual dan auditori. Misalnya, pelajar lebih mudah memahami konteks latar tempat atau konflik melalui adaptasi video berbanding hanya membaca teks. Menurut Ismail dan Kamaruddin (2020), penggunaan media digital telah terbukti membantu pelajar menangkap mesej dan emosi dalam karya sastera dengan lebih efektif. Penggunaan media pengajaran turut merangsang pemikiran kritis dan kreatif pelajar. Dalam kajian oleh Aziz dan Yunus (2019), aktiviti bercerita secara digital (digital storytelling) dapat melatih pelajar menyampaikan interpretasi mereka secara kritis dan inovatif, berbanding kaedah tradisional. Ini sekali gus menjadikan pengajaran KOMSAS lebih berpusatkan pelajar.

Seterusnya, media pengajaran juga menggalakkan pembelajaran berdikari dan kolaboratif. Dengan adanya bahan digital dan video pembelajaran, pelajar boleh belajar mengikut kadar sendiri (self-paced learning) serta melakukan aktiviti berkumpulan secara dalam talian. Hamdan dan Norazman (2021) menekankan bahawa elemen interaktif ini memperkukuh pembelajaran sendiri dan kerjasama antara rakan sebaya.

Di samping itu, penggunaan media adalah selaras dengan aspirasi kurikulum abad ke-21, yang menekankan kemahiran literasi digital dan pembelajaran kontekstual. Yusof dan Mohd Yasin (2022) menyatakan bahawa integrasi teknologi dalam pengajaran sastera membantu membentuk pelajar yang bukan sahaja celik bahasa, malah mahir teknologi dan mampu berfikir secara reflektif. Berikutan itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti media yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu untuk mengajarkan KOMSAS.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengetahui jenis media pengajaran yang dipilih oleh guru Bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan.
- b) Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru semasa menyediakan media pengajaran.
- c) Mengkaji usaha yang dilakukan oleh guru untuk mengatasi masalah semasa penyediaan media pengajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kajian kes dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk membuat kajian tentang penggunaan media pengajaran dalam pengajaran KOMSAS oleh guru-guru bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan. Pengkaji menjalankan temu bual dengan subjek kajian untuk mendapatkan data-data yang berkaitan.

Sampel Kajian

Pengkaji mencari sebanyak dua orang guru Bahasa Melayu untuk ditemu bual secara persampelan bertujuan. Kriteria pemilihan ialah guru Bahasa Melayu senior yang berpengalaman dalam Bahasa Melayu dan pengalaman mengajar melebihi 15 tahun di sekolah menengah kebangsaan (SMK). Subjek kajian pertama merupakan Cikgu N yang mengajar di SMK di Sarikei, Sarawak. Subjek kajian yang kedua dikenali sebagai Cikgu F yang berkhidmat sebagai guru Bahasa Melayu di SMK di Kuantan, Pahang. Kedua-dua orang subjek kajian mempunyai pengalaman mengajarkan Bahasa Melayu lebih daripada 20 tahun. Mereka memiliki ijazah sarjana dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Cikgu N (GBM1) merupakan guru Bahasa Melayu yang paling senior di SMK di Sarikei, manakala Cikgu F (GBM2) pula merupakan guru cemerlang Bahasa Melayu yang sangat kreatif dari segi pengajarannya.

Prosedur Menjalankan Kajian

Pengkaji mendapatkan data dengan melakukan sesi temu bual bersama dua orang subjek kajian. Sesi temu bual dengan GBM1 dan GBM2 telah dilaksanakan melalui Google Meet pada bulan Disember, 2024. Pengkaji turut berhubung dengan subjek kajian melalui WhatsApp dan Telegram untuk mendapatkan data yang lebih lengkap. Pengkaji telah menyediakan 10 soalan yang relevan untuk dikemukakan kepada subjek kajian. Hasil temu bual kemudian ditranskripsikan untuk dianalisis dan dilaporkan secara naratif.

Dapatan Kajian

Objektif Kajian Satu: Jenis Media Pengajaran yang Digunakan


a. Media visual

GBM1 telah menggunakan media visual untuk menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar-pelajarnya. Media visual yang selalu digunakan oleh GBM1 ialah perisian Microsoft PowerPoint. Berikut ialah jawapan beliau.

“Melalui perbualan saya dengan beberapa orang kenalan yang bertugas sebagai guru, kebanyakannya juga menggunakan Microsoft PowerPoint dalam pengajaran beberapa mata pelajaran. Selain itu, pemerhatian saya di beberapa buah sekolah yang dilengkapi dengan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah berkenaan cenderung menggunakan Microsoft PowerPoint sebagai salah satu media pengajaran yang utama. Hal ini dikatakan demikian kerana Microsoft PowerPoint sememangnya bukan satu perisian yang memerlukan tahap penguasaan yang tinggi. Sebaliknya, guru-guru yang senior juga mahir dalam penggunaan Microsoft PowerPoint.”

GBM1 menyatakan bahawa beliau menggunakan Microsoft PowerPoint untuk mengajarkan semua genre yang terkandung dalam KOMSAS. Ini bermakna penggunaan Microsoft PowerPoint bukan terbatas kepada tajuk atau bahagian tertentu. Guru boleh memanfaatkan kelebihan Microsoft PowerPoint untuk menyampaikan apa-apa saja bidang ilmu secara meluas.

PowerPoint juga merupakan antara media pengajaran yang sering digunakan oleh GBM2 dalam pengajarannya. Keupayaan PowerPoint untuk menunjukkan pelbagai bahan grafik menjadikannya salah satu media pengajaran utama dalam kalangan guru yang mendidik di sekolah yang dilengkapi dengan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).



Rajah 1. Contoh slaid PowerPoint yang disediakan.

b. Media video animasi

Video animasi merupakan salah satu media pengajaran yang digunakan oleh GBM1. Mengikut GBM1, terdapat dua jenis video animasi yang digunakan, iaitu video rakaman sendiri dan video yang diperoleh dari YouTube. GBM1 sangat kreatif dari segi penggunaan video kerana beliau menghasilkan sesetengah video itu sendiri. Beliau menghasilkan video-video yang berkaitan dengan deklamasi sajak, syair dan sebagainya i untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan video yang disediakan, GBM1 memasukkan unsur-unsur bunyi dengan rakaman suara sendiri tentang deklamasi syair. GBM1 juga mendedahkan cara mendeklamasikan syair berdasarkan persembahan sendiri yang direkod dalam bentuk video.

Selain video rakaman sendiri, GBM1 juga menayangkan video yang diperoleh daripada YouTube. YouTube sebagai media penyebaran video yang paling utama mempunyai koleksi video yang cukup banyak berkaitan dengan apa-apa topik pembelajaran termasuk KOMSAS. Dalam YouTube, guru juga dapat mengakses video- video yang baharu dan lebih menarik.

GBM2 juga menggunakan video animasi untuk pengajaran KOMSAS. Menurut GBM2, beliau juga membuat rakaman suara. Kadang kala, suara GBM2 disekalikan dengan video seperti yang dilakukan oleh GBM1 supaya pelajar-pelajar dapat belajar melalui penggunaan visual dan audio.



Rajah 2. Contoh rakaman video yang disediakan.

c. Media cetak

Media pengajaran seterusnya yang digunakan oleh GBM1 ialah media cetak. Secara umumnya, media cetak boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, seperti lembaran kerja, helaian nota, buku rujukan, buku kerja dan sebagainya. Dari segi media cetak, guru-guru di sekolah mempunyai pilihan yang banyak. Guru-guru boleh memilih mana-mana media cetak yang bersesuaian untuk mendidik pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun, GBM1 hanya berfokuskan penggunaan buku kerja untuk pengajaran KOMSAS. Jenama buku-buku kerja Bahasa Melayu yang menjadi pilihan GBM1 ialah Sasbadi, Ilmu Bakti dan Cemerlang.

Media cetak juga merupakan salah satu media pengajaran yang digunakan oleh GBM2. Sebagai contoh, GBM2 menyediakan lembaran kerja yang dilengkapi dengan peta minda berbentuk lima jari. Peta minda seperti ini boleh digunakan untuk menyenaraikan peristiwa penting yang terdapat dalam novel. Dengan cara ini, pelajar-pelajar lebih mudah ingat kerana hanya kata-kata kunci yang ditulis dalam peta minda lima jari.



Rajah 3. Peta minda lima jari.

Objektif Kajian Dua: Masalah yang Dihadapi oleh Guru Semasa Penyediaan Media Pengajaran

Berdasarkan temu bual pengkaji dengan GBM1 dan GBM2, didapati bahawa mereka mengalami masalah kekangan masa. GBM1 dan GBM2 berkata bahawa mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyediakan media pengajaran kerana terdapat banyak urusan yang lain. Urusan lain yang dimaksudkan merujuk kepada tugas pentadbiran yang perlu dijalankan oleh guru. Guru-guru di sekolah pada masa kini bukan hanya berfokuskan pengajaran dan penyemakan, tetapi juga tugas-tugas tambahan yang berkaitan dengan pelaporan dan aktiviti-

aktiviti selepas kelas. Oleh itu, guru sudah pasti akan mengalami kekangan masa untuk menyediakan bahan bantu mengajar.

Objektif Kajian Tiga: Langkah-langkah untuk Mengatasi Masalah yang Dihadapi

Dalam usaha untuk menangani masalah kekangan masa, GBM1 lebih berusaha untuk mencari maklumat di internet untuk membantunya dari segi penyediaan bahan bantu mengajar, manakala GBM2 berpendapat bahawa guru-guru perlu bijak membahagikan masa dan bijak membahagikan tugas kepada pelajar-pelajar agar guru tidak berdepan dengan kekangan masa untuk menyediakan media pengajaran.

PERBINCANGAN

Penggunaan media dalam bidang pendidikan memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada pelajar terhadap isi pelajaran. Melalui media visual dan auditori, pelajar dapat menangkap maklumat dengan lebih berkesan serta mengaitkannya dengan pengalaman harian mereka. Pada masa yang sama, media pengajaran mencipta suasana pembelajaran yang pelbagai dan tidak membosankan, sekali gus meningkatkan motivasi dan tumpuan pelajar terhadap isi pelajaran. Salah satu media yang popular digunakan oleh GBM1 dan GBM2 ialah persembahan PowerPoint. Hal ini dikatakan begitu kerana PowerPoint dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk belajar. Penggunaan PowerPoint dapat mewujudkan satu suasana pembelajaran yang interaktif dengan kelebihan yang ada pada PowerPoint (Saidin et al., 2023).

Persembahan ini membolehkan guru menyusun isi pelajaran secara sistematik, menyertakan elemen grafik dan animasi yang dapat membantu pelajar memahami konsep abstrak dengan lebih mudah. Walaupun PowerPoint merupakan alat asas dalam bilik darjah, penggunaan media dalam pengajaran kini telah berkembang kepada pelbagai bentuk seperti video interaktif, aplikasi pembelajaran dan platform digital yang menyokong pengajaran berasaskan teknologi abad ke-21 (Yusof & Mohd Yasin, 2022; Ismail & Kamaruddin, 2020).

Selain itu, media berperanan penting dalam merangsang pemikiran kritis dan kreatif pelajar. GBM1 dan GBM2 didapati gemar menggunakan video animasi untuk menyampaikan isi kandungan KOMSAS. Kajian Aziz dan Yunus (2019) turut mendapati bahawa penggunaan digital storytelling dalam pengajaran sastera mampu meningkatkan keupayaan pelajar dalam menganalisis, mentafsir dan menyampaikan semula kandungan karya sastera dengan pendekatan yang lebih reflektif dan menarik. Pelajar juga dapat mengekspresikan kefahaman mereka secara pelbagai, sama ada melalui video pendek, lakonan semula babak, mahupun pembentangan digital.

Berdasarkan kajian Ishak, et al. (2021), pelajar-pelajar sangat suka menghadiri kelas yang menggunakan video sebagai media pengajaran. pelajar-pelajar lebih bersemangat apabila pengajaran disampaikan melalui bantuan video. Maklumat yang disampaikan melalui video juga memudahkan ingatan pelajar-pelajar semasa pembelajaran (Ngan et.al, 2024). Penggunaan video dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberikan impak yang positif kepada pembelajaran pelajar walaupun pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di rumah. Pembelajaran melalui video di rumah membantu pelajar-pelajar dari segi pemahaman, lebih-lebih lagi guru memberikan bimbingan di sekolah. Sesungguhnya KOMSAS merupakan satu aspek ilmu yang dianggap membosankan kerana mempelajari elemen tradisional. Hj. Reduzan, et al. (2025) menyatakan bahawa kaedah VAK (visual, auditori, kinestetik) mampu meningkatkan keupayaan seseorang pelajar dalam pembelajaran KOMSAS. Media-media pengajaran yang digunakan oleh GBM1 dan GBM2 banyak melibatkan aspek visual, auditori dan kinestetik. pelajar-pelajar lebih mudah ingat dan menguasai sesuatu ilmu pengetahuan apabila pembelajaran dijalankan dengan menggunakan deria seperti pelihatan, pendengaran dan sentuhan atau pergerakan.

Penggunaan media turut menyokong pembelajaran sendiri dan kolaboratif. Bahan pembelajaran berbentuk digital membolehkan pelajar mengakses kandungan pada bila-bila masa dan mengulang kaji mengikut kadar mereka sendiri. Hal ini selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kemahiran belajar sepanjang hayat. Menurut Hamdan dan Norazman (2021), media interaktif dalam talian memberi ruang kepada pelajar untuk bekerjasama dalam tugas kumpulan, berkomunikasi dengan lebih aktif dan membina pengetahuan secara kolektif.

Di samping itu, penggunaan media meningkatkan keberkesanan penyampaian guru. Dengan bantuan media, guru dapat menyampaikan isi pelajaran dengan lebih sistematik dan menarik. Sebagai tambahan, integrasi media dalam pengajaran KOMSAS menjadikan pembelajaran lebih kontekstual, menyeronokkan dan relevan dengan persekitaran digital pelajar masa kini. Guru tidak lagi menjadi satu-satunya sumber ilmu, sebaliknya berperanan sebagai fasilitator yang membimbing pelajar meneroka kandungan melalui pelbagai sumber digital. Penggunaan media juga menyumbang kepada keberkesanan pengajaran dari segi masa, penyampaian isi, dan kepelbagaian pendekatan (Ismail & Kamaruddin, 2020).

Namun begitu, dalam proses penyediaan media pengajaran, guru sering berdepan kekangan yang tidak dapat dielakkan, khususnya dari segi masa. Berdasarkan dapatan kajian, kedua-dua guru berwawancara (GBM1 dan GBM2) menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah yang sama dalam menyediakan bahan media secara konsisten kerana dibebani pelbagai tanggungjawab lain. Guru bukan sahaja perlu menyediakan bahan pengajaran dan melaksanakan aktiviti bilik darjah, malah turut terlibat dalam pelbagai urusan pentadbiran, kokurikulum, dan pengurusan pelajar. Beban kerja yang tinggi ini mengurangkan masa yang boleh diperuntukkan untuk perancangan pengajaran yang lebih inovatif dan berkesan. Abd. Razak, Yusof dan Aziz (2021) menekankan bahawa beban tugas guru sering menjadi penghalang kepada penerapan teknologi dan kaedah pengajaran yang kreatif. Malah, kekangan masa juga menyebabkan sesetengah guru tidak sempat menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam pada itu, kajian Suhaيمي Kamarudin, *et al.* (2020) juga menunjukkan bahawa faktor kekangan masa yang dihadapi oleh guru mempunyai hubungan secara langsung dengan tekanan kerja yang terlalu banyak.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun guru-guru kajian berdepan dengan kekangan masa dalam penyediaan media pengajaran, mereka masih berusaha mencari pendekatan tersendiri untuk mengatasinya. GBM1 mengambil inisiatif dengan memanfaatkan internet sebagai sumber utama untuk mencari bahan bantu mengajar. Tindakan ini memperlihatkan keupayaan guru dalam menggunakan teknologi sebagai alat sokongan yang menjimatkan masa dan memperkaya kandungan pembelajaran. Hal ini selari dengan dapatan kajian Anuar dan Mahamod (2021) yang mendapati guru yang celik teknologi lebih cenderung menggunakan platform dalam talian seperti YouTube, Canva, dan Slidesgo untuk menghasilkan bahan pengajaran secara pantas dan berkesan.

Sebaliknya, GBM2 menekankan keperluan kepada pengurusan masa yang efisien dan kebijaksanaan dalam pembahagian tugas. Beliau berpendapat bahawa guru harus bijak menyusun jadual kerja dan memanfaatkan pelajar dalam proses pengajaran. Strategi ini bukan sahaja membantu guru menjimatkan masa, tetapi turut memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Menurut Ramli *et al.* (2020), pendekatan berasaskan kolaboratif, di mana pelajar dilibatkan dalam aktiviti pembelajaran seperti penciptaan video pendek, persembahan digital atau aktiviti kumpulan, dapat mengurangkan beban guru dan pada masa sama meningkatkan motivasi pelajar.

Kedua-dua pendekatan ini mencerminkan penyesuaian guru terhadap cabaran masa kini dengan mengintegrasikan kemahiran teknologi serta pendekatan pedagogi yang fleksibel. Ini juga menunjukkan bahawa guru bukan sahaja bertindak sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai perancang dan pengurus pembelajaran yang strategik.

KESIMPULAN

Dalam era pendidikan digital masa kini, penggunaan media di dalam kelas semakin menjadi keperluan, bukan lagi sekadar pilihan. Pengajaran KOMSAS khususnya, memerlukan pendekatan yang lebih kreatif dan interaktif bagi memastikan pelajar bukan sahaja memahami, malah menghayati nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera. Melalui kajian ini, pengkaji mengenal pasti jenis media pengajaran yang digunakan oleh GBM1 dan GBM2 dalam pengajaran KOMSAS di sekolah menengah kebangsaan, iaitu Powerpoint, video animasi, dan media cetak membantu mereka menyampaikan isi kandungan KOMSAS secara lebih berkesan. Media pengajaran yang digunakan oleh kedua-dua orang subjek kajian didapati menarik dan sesuai untuk pembelajaran KOMSAS oleh para pelajar selain mencapai objektif pembelajaran. Meskipun kedua-dua orang subjek kajian berhadapan dengan kekangan masa semasa penyediaan media pengajaran disebabkan banyak tugas yang lain, namun mereka telah mengambil langkah tertentu untuk mengatasi masalah tersebut supaya pembelajaran pelajar-pelajar tidak terpengaruh. Ini juga menunjukkan bahawa guru bukan sahaja bertindak sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai perancang dan pengurus pembelajaran yang strategik. Natijahnya, guru-guru Bahasa Melayu digalakkan menggunakan media pengajaran yang sesuai dan berkesan untuk menyampaikan pengajaran KOMSAS di dalam kelas.

RUJUKAN

- Abd. Razak, N., Yusof, A. M., & Aziz, N. H. (2021). Isu beban tugas guru dalam pendidikan abad ke-21: Satu sorotan literatur. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 13–25. <https://doi.org/10.17576/jpen-2021-4601-02>.
- Anuar, M. M., & Mahamod, Z. (2021). Keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar digital dalam PdPc Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 32–4.
- Aziz, N., & Saad, S. (2021). Relevansi Teks KOMSAS terhadap Realiti Kehidupan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan dan Sastera*, 6(2), 91–104.
- Chew, F. P. & Majelan, N. (2019). Pelaksanaan Pendidikan Sastera Perpaduan menerusi teks KOMSAS dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 75–90.
- Ibrahim, R., & Rahim, H. (2017). Cabaran Pengajaran KOMSAS dalam Arus Pembelajaran Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 27–35.
- Latif, N. A., & Hassan, N. (2019). Pengurusan Masa dan Beban Tugas Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pengajaran KOMSAS. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 70–82.
- Mahmud, M., & Johari, R. (2018). Penggunaan Bahan Multimedia dalam Pengajaran KOMSAS di Sekolah Menengah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 13, 45–59.
- Ngan, L. L., Ahmad, A., & Othman, N. (2024). Penggunaan Video dalam Pengajaran dan Pembelajaran dengan Minat pelajar terhadap Subjek Sejarah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1), 760–773.
- Norazah, M. N., & Nurhazirah, M. R. (2017). Multimedia dalam pengajaran sastera: Satu analisis pelaksanaan dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 45–54.
- Hj. Reduzan, N. H., Yusuf, R., & Hashim, H. (2025). Aplikasi model VAK dalam gaya pengajaran dan pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Asian People Journal*, 8(1), 1–12.
- Ishak, R., Wahi, M. K. & Nik Azlan, N. H. (2021). Penggunaan video bagi meningkatkan minat dan kemahiran pelajar dalam subjek penyediaan dan pembuatan makanan KSSMPK. *Journal of ICT in Education*, 8(4), 104–112.
- Saidin, N. F., Mohd Bukhari, N. A., & Wong S. Y. (2023). Penggunaan teknologi multimedia terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. *Isu dalam pendidikan*, 46, 44–57.
- Ramli, N. H., Mat Daud, N., & Mohd Sani, M. N. (2020). Pembelajaran kolaboratif dalam talian: Strategi guru dalam mengurus beban tugas. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 21(2), 85–98.

Temubual Puan N. Guru Panitia Bahasa Melayu, SMK Sarikei, Sarawak. 28 Disember 2024.

Temubual Puan F. Guru Cemerlang SMK Kuantan, Pahang. 29 Disember 2024.

Zainal, A., & Omar, A. (2020). Students' Attitudes Towards the Literature Component in Malaysian Secondary Schools. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 13–25.